

27/12/1998

Pembeli perlu manfaat kempen miliki rumah

KUALA LUMPUR: Bakal pembeli rumah dinasihatkan supaya menggunakan sepenuhnya peluang membeli rumah menerusi Kempen Pemilikan Rumah yang tinggal kira-kira dua minggu lagi berikutan keputusan kerajaan untuk tidak melanjutkan tarikh kempen itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata bakal pembeli perlu mengambil berat mengenai kempen itu sekiranya mereka berminat membeli rumah dengan mengunjungi tempat pameran.

Katanya, kementeriannya akur dengan keputusan kerajaan untuk tidak melanjutkan tempoh kempen itu meskipun ada cadangan supaya ia dilanjutkan berikutan sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Sebelum ini, kementerian membayangkan akan menyokong supaya kempen dilanjutkan jika mendapat sokongan daripada Persatuan Pemaaju Perumahan dan institusi kewangan.

"Itu adalah keputusan kerajaan... tambahan lagi kita tidak boleh mengadakannya untuk satu tempoh yang lama.

"Oleh itu, bakal pembeli mesti menggunakan masa yang masih ada kira-kira dua minggu lagi untuk mengenal pasti dan membeli rumah dengan pelbagai tawaran menarik," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan tidak akan melanjutkan tarikh kempen sebulan yang akan berakhir 12 Januari depan.

Mustapa berkata, tempoh sebulan yang diberikan kepada orang ramai untuk mengambil kesempatan membeli rumah dengan pelbagai tawaran menarik itu sudah mencukupi.

Kempen itu yang bermula 12 Disember lalu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam tempoh seminggu pertama kempen itu, angka jualan yang dicatatkan ialah RM1 bilion.

Mengenai rungutan bakal pembeli mengenai kempen itu, Azmi berkata kebanyakannya membangkitkan kesukaran mendapatkan rumah berharga kurang RM100,00 seunit.

Beliau mengakui tidak banyak pemaaju mempamerkan rumah berharga kurang RM100,00 ketika kempen itu, sebaliknya rumah berharga lebih RM150,000.

"Kebanyakan pemaaju tidak bermasalah menjual rumah berharga kurang RM100,000 sebelum kempen dijalankan," katanya sambil meminta bakal pembeli peka kepada iklan kempen bagi memudahkan mereka mendapatkan rumah yang sesuai dengan keperluan masing-masing.

Sementara itu, setakat ini hanya dua permohonan pinjaman perumahan kakitangan kerajaan sudah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sejak kempen dilancarkan.

(END)